

**Operasi Mencari Babit Negara Luar, Kata PM  
Bernama  
8 Mac, 2014**

SEPANG, 8 Mac (Bernama) -- Operasi mengesan pesawat Malaysia Airlines MH370 akan diteruskan dengan membabitkan negara yang berdekatan kawasan kejadian, termasuk bantuan negara luar, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata kerjasama dengan negara tertentu amat diperlukan untuk memberi impak yang lebih bermakna kepada operasi itu.

"Oleh itu, kita telah mendapat persetujuan Vietnam yang akan melakukan operasi di kawasan perairan negara mereka," katanya dalam sidang akhbar di sini Sabtu.

Beliau berkata kejadian itu berlaku di sempadan Malaysia-Vietnam dan ada kemungkinan ia terlepas ke sempadan Vietnam, oleh itu kerjasama semua pihak amat diperlukan.

Perdana Menteri memaklumkan China juga akan turut membantu.

Katanya, Amerika Syarikat juga menghulur bantuan melalui 'US Navy' yang bersetuju menghantar pesawatnya dalam operasi itu manakala Singapura menghantar sebuah pesawat C130 bagi tujuan sama.

Pesawat MH370 dari Kuala Lumpur ke Beijing, yang membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal, hilang daripada radar selepas berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 12.41 pagi. Ia sepatutnya mendarat di Beijing 6.30 pagi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020374>